

09/09/2003

Murid tadika hargai jasa Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Kanak-kanak juga pandai menghargai jasa pemimpin sanjungan mereka seperti dilakukan 55 kanak-kanak dari Tadika dan Tabika Philips, Batu Arang dan Kuala Kangsar, Perak, sempena sambutan Bulan Kemerdekaan lalu.

Mereka menyampaikan kad ucapan yang mereka tandatangani bersama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali di pejabat beliau, di Putrajaya, baru-baru ini

Ucapan dan lakaran yang dilukis di atas sekeping kad besar itu mengandungi harapan mereka terhadap Dr Mahathir yang banyak memberi sumbangan terhadap pembangunan negara sejak dua dekad lalu.

Mereka yang datang bersama keluarga berkumpul dan diberi peluang bertemu sendiri dengan Dr Mahathir dan isteri di pejabat beliau untuk menyampaikan kad ucapan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Philips Malaysia Sdn Bhd, R Kumar, berkata idea untuk bertemu Perdana Menteri adalah daripada kanak-kanak itu sendiri.

"Mereka mahu bertemu sendiri dengan Dr Mahathir dan berinteraksi dengan beliau. Inilah peluang sangat istimewa kerana dapat berjumpa dengan seorang pemimpin Malaysia yang sangat disegani. Saya pasti kanak-kanak ini akan sentiasa mengenang saat manis ini seumur hidup mereka," katanya.